

Mahathir - Pulau Tuba

PULAU TUBA DI LANGKAWI AKAN DIBANGUNKAN, KATA PERDANA MENTERI

LANGKAWI, 28 Mei (Bernama) -- Kerajaan akan memikirkan rancangan untuk membangunkan Pulau Tuba di sini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan dengan itu, beliau menasihati penduduk pulau itu supaya tidak menjual tanah walaupun menerima tawaran harga yang lumayan.

"Setakat yang termampu, kerajaan akan menyediakan kemudahan-kemudahan yang boleh membangunkan Pulau Tuba," katanya pada majlis perjumpaan dengan penduduk sempena lawatannya yang pertama sejak menjadi Perdana Menteri ke pulau itu hari ini.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah isteri beliau, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Menteri Besar Tan Sri Haji Osman Aroff dan Menteri Pertanian Datuk Seri Sanusi Junid.

Pulau Tuba, sebuah daripada 104 buah pulau di kepulauan Langkawi, yang terletak kira-kira 15 minit perjalanan dengan bot laju dari Kuah, di sini, mempunyai kira-kira 2,000 penduduk. -- Lagi.

▼28/05/19-34MST

CNS8398

U GB 28-05 00142 BR889

bah

Mahathir - Pulau Tuba 2 Langkawi

Dr Mahathir berkata, lawatannya itu bertujuan melihat keadaan di pulau itu dan sekiranya sesuai untuk dibangunkan, beliau akan meminta para pelabur datang ke situ.

Beliau yakin Pulau Tuba boleh dibangunkan dengan projek-projek pelancongan serta pengeluaran barangan kraftangan, dan beliau percaya lambat-laun pulau itu akan mencapai tahap pembangunan yang sama pesat dengan Pulau Langkawi.

Beliau mengingatkan para penduduk yang ingin menceburi bidang pelancongan kelak supaya memberikan layanan baik kepada para pelancong dan melaksanakan kerja dengan tertib dan tersusun.

Katanya, bidang pelancongan bukan sahaja boleh memberi peluang pekerjaan kepada mereka bahkan juga boleh melahirkan golongan "taukeh" hotel dan tempat penginapan di kalangan mereka.

Beliau berkata, para penduduk juga boleh mengusahakan tanaman buah-buahan untuk dibekalkan kepada hotel-hotel yang kini banyak terdapat di Pulau Langkawi. -- Lagi.

▼28/05/19-36MST

CNS8399

U GB 28-05 00139 BR890

bah

Mahathir - Pulau Tuba 3 (Akhir) Langkawi

Dr Mahathir juga mengingatkan penduduk supaya jangan mudah terpengaruh dengan hasutan golongan tertentu yang kononnya mahu menjaga alam sekitar yang mungkin datang ke situ apabila kerajaan melaksanakan pembangunan kelak.

Terdahulu, Osman berkata lawatan Perdana Menteri ke Pulau Tuba telah menimbulkan spekulasi bahawa kerajaan akan membangunkan pulau itu sehingga banyak orang datang untuk membeli tanah di situ.

Katanya, kunjungan Dr Mahathir itu telah menyebabkan harga tanah yang biasanya antara RM15,000 dan RM20,000 seekar (0.4hektar) meningkat dua kali ganda.

"Saya menasihatkan penduduk supaya jangan cepat hendak menjual tanah," katanya.

Dalam lawatan selama lebih empat jam itu, Perdana Menteri turut melawat bengkel industri kampung yang menghasilkan barangan kraftangan berasaskan mengkuang dan tempurung dan melawat kawasan sekitar pulau. -- Bernama.